



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I & P 1,  
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +60 3 2095 3030

Fax: +60 3 2095 2121

## SIARAN MEDIA

# OPERATOR BAGI MASS RAPID TRANSIT (MRT) LALUAN 1 SUNGAI BULOH KE KAJANG

**Kuala Lumpur, 16 Jun 2014:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengalu-alukan keputusan oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang melantik Syarikat Prasarana Negara Berhad (PRASARANA) sebagai operator MRT Laluan 1 dari Sungai Buloh ke Kajang (Laluan SBK).

Dengan ini, MRT Corp akan meneruskan peranan sebagai pemilik dan pemaju Laluan 1 MRT dan akan bekerjasama dengan PRASARANA, bagi memastikan Laluan SBK dapat beroperasi dengan lancar apabila pembinaan siap kelak.

MRT Corp akan menumpukan usaha untuk memastikan Fasa 1 pembinaan laluan MRT dari Sungai Buloh ke Semantan siap dan beroperasi pada 31 Disember 2016 seperti yang dijadualkan. Manakala, fasa 2 laluan MRT dari Semantan ke Kajang pula dijangka beroperasi pada 31 Julai 2017.

**TAMAT**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

En Leong Shen-li

03-20813182 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)

Cik Nadia Azmi

03-20813185 / [nadia.azmi@mymrt.com.my](mailto:nadia.azmi@mymrt.com.my)